

▼17/03/15-21MST

CNS8464

U GB 17-03 00265 BH004

AAB

Neil-Surat

NEIL-KECAM SURAT DR MAHATHIR

Daripada Wan A Hujaimi

T

LONDON, 17 Mac (Bernama) -- Pengarang akhbar Sunday Times, Andrew Neil menjawab surat Perdana Menteri Malaysia Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menyatakan hasrat kerajaan Malaysia untuk meneruskan dasar mengecualikan syarikat Britain daripada menerima kontrak awam di Malaysia, dengan berkata bahawa beliau akan terus menyiarkan apa sahaja cerita yang difikirkannya sesuai, dan menolak penafian Dr Mahathir mengenai pemberian rasuah oleh firma Wimpey dari Britain sebagai satu pembohongan.

Dalam sepucuk surat kepada Financial Times hari ini, Dr Mahathir berkata larangan itu tidak akan ditarik balik, dan bahawa laporan serta perdebatan mengenai larangan pemberian kontrak bagi syarikat Britain itu mendedahkan satu tahap kejahilan dan kecuaiian yang menyedihkan di pihak akhbar dan tokoh-tokoh Britain.

Ketika perdebatan mengenai bantuan membina empangan kepada Malaysia dan artikel yang menuduh amalan rasuah pemimpin Malaysia oleh akhbar Sunday Times kelihatan mulai reda, surat itu sekali lagi meletakkan Malaysia ke dalam agenda utama berita. Ia menjadi bahan utama dalam berita televisyen BBC hari ini di samping program radio hal-ehwal semasa awal paginya yang berpengaruh, "Today".

Sambil merujuk kepada dakwaan rasuah oleh Sunday Times dalam artikel asalnya yang dikatakan membawa kepada tindakan keras Malaysia itu, Dr Mahathir menulis sebagai menjawab dengan sindiran: "Sudah tentu, kaum pribumi mengamalkan rasuah. Tentu sekali, kerana mereka tidak berbangsa British mahupun berkulit putih. Menuduh bahawa Perdana Menteri Malaysia menerima rasuah adalah perkara kedua."

Beliau kemudian mempersoalkan kejujuran Britain kerana kesanggupan mereka untuk berurusan dengan orang "yang mengamalkan rasuah". -- Lagi.
WAH MZ AZ.

▼17/03/22-02MST

CNS8466

U GB 17-03 00132 BH005

AAB

Neil-Surat 2 London

"Tidakkah mereka berasa bersalah, atau adakah mereka menyifatkan memberi sogokan bukan satu rasuah?" tanya Dr Mahathir.

Katanya, dakwaan rasuah terhadapnya kini nyata "tidak berasas", dan malahan Andrew Neil berkata laporan itu telah "disalahfaham".

Wimpey (syarikat pembinaan yang disebut dalam artikel Sunday Times) menafikan dakwaan-dakwaan ini, kata Dr Mahathir dalam suratnya itu.

Menjawab kepada surat ini dalam program "Today", Andrew Neil berkata: "Dia berbohong di sini."

Beliau memberitahu penemuramah "Today" bahawa beliau mempunyai dokumen untuk menyokong berita laporannya bahawa Wimpey telah memberi sogokan kepada ahli-ahli politik tinggi Malaysia. Wimpey tidak menafikan dakwaan-dakwaan ini, katanya dan menambah kata bahawa ini ialah satu lagi contoh ahli politik Malaysia "berbohong" mengenai apa yang Wimpey perkatakan. -- Lagi.

WAH AZ.

▼17/03/22-05MST

CNS8473

U GB 17-03 00199 BH006

AAB

Neil-Surat 3 (Akhir) London

Ketika ditanya sama ada beliau akan terus membuat pendedahan mengenai Malaysia dalam Sunday Times, katanya, jika beliau ada menerima lagi berita mengenai Malaysia seperti artikel yang disiarkannya empat setengah halaman minggu lepas, beliau akan melakukannya.

Neil menafikan bahawa beliau ingin membalas dendam terhadap Malaysia, tetapi menambah kata bahawa beliau tidak takut dengan Dr Mahathir, yang beliau sifatkan sebagai "seorang yang mengawal sebahagian besar daripada akhbar negaranya".

"Saya tidak fikir ada negara ataupun akhbar yang boleh menerimanya", katanya, merujuk kepada tekanan yang dikenakan oleh Malaysia terhadap kontraktor Britain sebagai tindak balas terhadap apa yang dikatakan oleh Dr Mahathir sebagai "ugutan dan pembohongan".

Dalam surat itu, yang kandungannya disiarkan oleh Financial Times sebagai berita utama di muka depan hari ini, Dr Mahathir juga merujuk kepada laporan "hubungan" Andrew Neil dengan Pamela Bordes, seorang bekas penyelidik yang pernah bekerja di Parlimen Britain.

"Mendakwa, yang tidak betul, bahawa Perdana Menteri Malaysia menerima rasuah mungkin merupakan sebahagian daripada kebebasan akhbar Britain. Tetapi Perdana Menteri Malaysia tidak semesti melayannya, Andrew Neil sendiripun menolak laporan mengenai hubungannya dengan Pamela Bordes", kata Dr Mahathir. -- Lagi.

WAH MZ AZ.

▼17/03/22-19MST

AAB

Neil-Surat 4 London (Sambungan Berita Awal)

Berikut ialah surat Dr Mahathir yang disiarkan dalam Financial Times London:

MALAYSIA: TIADA KONTRAK BAGI BRITAIN JIKA BALASANNYA TAJAH MENCERCA
Daripada Perdana Menteri Malaysia

Laporan dan debat mengenai tindakan Malaysia untuk menghentikan pemberian kontrak kepada syarikat-syarikat Britain mendedahkan satu tahap kejahilan dan kecuaiian yang menyedihkan di pihak akhbar dan tokoh-tokoh Britain.

Sejak dari mula lagi semua orang nampak tidak dapat membezakan antara pinjaman dan geran. Pinjaman bagi Empangan Pergau itu terus dimaksudkan sebagai geran. Jika ia adalah geran, jumlahnya yang meliputi lebih separuh daripada kos projek itu pasti akan menguntungkan rakyat Malaysia, bertentangan dengan apa yang dikatakan oleh media dan pegawai-pegawai Britain.

Pinjaman perlu dibayar balik dengan faedah, walau kecil sekalipun faedah itu. Sebaliknya jika pinjaman itu tidak ditawarkan, projek itu mungkin ditawarkan kepada syarikat-syarikat bukan Britain. Jepun menawarkan pinjaman mudah secara tahunan. Negara-negara lain juga menawarkan geran atau pinjaman ketika mahu mendapatkan tawaran-tawaran projek.

Pinjaman bagi Pergau itu bertujuan membantu syarikat-syarikat Britain membuat keuntungan. -- Lagi.

▼17/03/22-46MST

CNS8477

U GB 17-03 00245 BH008

AAB

Neil-Surat 5 London

Jadi bantuan kewangan itu menguntungkan syarikat Britain. Malaysia tidak mendapat apa-apa selain daripada harga projek itu kurang sedikit. Bagaimana pula tawar-menawar untuk menjimatkan wang kerajaan Malaysia disifatkan sebagai rasuah dan ia melampaui batasan.

Malaysia tidak bimbang mengenai rasa bersalah Britain berhubung penjualan senjata. Senjata ialah senjata, sama ada ia dihadiahkan, disubsidi, dibantu ataupun dijual dengan mendapat keuntungan yang besar, tujuannya ialah sama.

Jika anda rasa bersalah jangan langsung jual senjata. Tiada perniagaan lain di barat yang bersifat kepura-puraan. Apabila senjata dijaja program mengimbangi pembayaran balik jangka panjang ataupun syarat-syarat khas pembayaran balik ditawarkan oleh setiap orang.

Dalam kes ini adalah jelas bahawa pinjaman itu adalah bagi Empangan Pergau. Tidak pernah dibuktikan secara pasti bahawa pinjaman itu ialah bagi pembelian senjata. Tindakan mengkaitkan pinjaman itu dengan pembelian senjata mempunyai tujuan politik dan bertujuan memalukan kerajaan Britain. Malaysia tidak bimbang dan tidak bertindak balas ataupun memberi komen.

Media Britain yang tidak senang hati dengan kesan pendedahan itu, mengalihkan tumpuan kepada Malaysia. Sudah tentu, kaum pribumi mengamalkan rasuah. Tentu sekali, kerana mereka tidak berbangsa British mahupun berkulit putih. Menuduh bahawa Perdana Menteri Malaysia menerima rasuah adalah perkara kedua. Beliau harus menerima dakwaan itu kerana sebuah akhbar Britain kemudian memberi ulasan bahawa, semua ahli politik Asia menerima rasuah. Persoalannya: Mengapa British mendesak untuk merasuah orang yang mengamalkan "rasuah"? Tidakkah mereka berasa bersalah, atau adakah mereka menyifatkan memberi sogokan bukan satu rasuah? -- Lagi.

▼17/03/23-10MST

CNS8478

U GB 17-03 00225 BH009

AAB

Neil-Surat 6 London

Dakwaan terhadap Perdana Menteri Malaysia nyata tidak berasas. Wimpey menafikannya. Begitu juga pengarang Sunday Times yang berkata beliau telah disalahfahamkan.

Sebenarnya tiada tender bagi projek melebur aluminium. Tiada projek seperti itu. Hanya satu kajian kemungkinan yang dibantu oleh kerajaan Britain yang berharap akan mendapatkan projek itu bagi Wimpey. Projek itu tidak munasabah.

Mendakwa, yang tidak betul, bahawa Perdana Menteri Malaysia menerima rasuah mungkin merupakan sebahagian daripada kebebasan akhbar Britain. Tetapi Perdana Menteri Malaysia tidak semesti melayannya, Andrew Neil sendiri pun menolak laporan mengenai hubungannya dengan Pamela Bordes", kata Dr Mahathir.

Kebebasan akhbar ialah mengenai kebenaran, bukan berbohong untuk apa jua tujuan. Akibat daripadanya yang menyebabkan kesusuahan pada orang lain nampak bakaikan dibenarkan oleh kerajaan dan dan rakyat Britain. Tidakkah ada rasa bersalah mengenai pembohongan yang nampaknya banyak berlaku dalam penjualan senjata? Jawapan standard kepada rakyat Malaysia ialah media Britain bebas. "Pembohongan demi pembohongan" adalah bebas. Pembetulan tiada. Inilah dia demokrasi dan hak-hak kemanusiaan yang dilaungkan oleh Barat. Jika ini tidak menunjukkan kemerosotan moral, jadi apakah ini?

Menawarkan kontrak kepada Britain nampaknya mendedahkan Malaysia kepada penceraian dan fitnah. Mengapa dibenarkan syarikat-syarikat Britain mengaut keuntungan dari Malaysia jika inilah akibatnya? Jika kita akan dicerca, sekurang-kurangnya kita tidak harus membayar untuknya. Maka, timbulah keputusan untuk menghentikan pemberian kontrak kepada syarikat-syarikat Britain. -- lagi.

♥17/03/23-38MST

CNS8482

U GB 17-03 00169 BH010

AAB

Neil-Surat 7 (Akhir) London

Dan Britain seharusnya gembira dengan keputusan itu. Tiada kontrak bermaksud tiada pinjaman mudah, tiada qeran dan tiada amalan rasuah oleh rakyat pribumi, kerana Britain menurut media Britain, memainkan peranan dalam membantu Malaysia menjadi kuasa utama ekonomi Asia Tenggara, Malaysia akan menyedari kelak akan tindakannya itu. Baru kemudian akhbar yang bebas itu boleh berseronok apabila Idris Amin/Hitler/Mahathir datang semula dengan tawaran kontrak.

Tetapi sebaliknya kita mendengar lebih banyak ugutan dan pembohongan. Nampaknya mereka menakut-nakutkan Malaysia dengan laporan-laporan akhbar mereka (paper gunboats). Apa yang Malaysia boleh buat? Akhbar bebas adalah bebas bagi Britain. Ia bukan bebas bagi Malaysia. Sementara akhbar-akhbar Britain mudah didapati di Malaysia, akhbar-akhbar Malaysia pula tidak boleh didapati di Britain. Dan akhbar-akhbar Britain tidak menyiarkan pendapat Malaysia. Ini ialah hasil praktikal kebebasan akhbar ala barat.

Bagi Malaysia, hasilnya mengikut acuan. Tiada kontrak kerana kebebasan akhbar Britain untuk berbohong.

Dr Mahathir Bin Mohamad

Kuala Lumpur.

-- Bernama.

WAH PR AZ.

♥17/03/23-48MST